

Lantikan kakitangan APAD selesai minggu depan

Subang : Lantikan kakitangan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) yang sebelum ini tertangguh kerana terpaksa melalui prosedur dan tapisan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dijangka diselesaikan minggu depan. Memberikan jaminan itu, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata jumlah perjawatan diluluskan untuk agensi berkenaan ialah 361 berbanding 961 ketika beroperasi menggunakan struktur Suruhanjaya Pengangkutan Awam (SPAD). Bagaimanapun, katanya, sebanyak 253 perjawatan merangkumi pejabat APAD di seluruh negara yang diluluskan SPA dan kekosongan diisi dengan kadar segera. "Oleh itu, ada 108 lagi perjawatan yang belum diisi dan masih menunggu kelulusan SPA. Saya sendiri memantau perkembangan prosedur lantikan ini kerana dimaklumkan mengenai kelewatan operasi APAD di seluruh negara.

Kelewatan Operasi

"Kelewatan operasi, khususnya membabitkan bahagian pelesenan menyebabkan banyak pemprosesan kelulusan dokumen tertangguh dan alirannya tertunggak." Itu sebab banyak kaunter di pelbagai pejabat APAD tidak dapat dibuka kerana tiada kakitangan, justeru kita bertekad menyelesaikan hal ini secepat mungkin," katanya selepas meninjau operasi agensi berkenaan di Zon Wilayah Tengah, semalam. Mengambil maklum rungutan disuarakan orang ramai, Loke berkata, pihaknya mengarahkan kakitangan berkaitan untuk bekerja lebih masa bagi memastikan pemprosesan dokumen merangkumi lesen dan permit berupaya disiapkan mengikut tempoh ditentukan.

Beliau memaklumkan pihaknya tidak mempunyai pilihan selain terpaksa menetapkan permohonan baharu akan diluluskan dalam tempoh 30 hari waktu bekerja, berbanding 21 hari sebelum ini. "Mereka akan bekerja lebih masa, malah datang pada Sabtu untuk siapkan proses permohonan bagi memastikan pelanggan, khususnya dalam kalangan pemilik kenderaan perdagangan dan pengangkutan awam berupaya dijaga.

Akui perbezaan gaji

"Saya beri jaminan isu ini akan diselesaikan secepat mungkin dan operasi APAD dikembalikan seperti sedia kala," katanya. Loke mengakui wujud perbezaan tangga gaji antara SPAD dan APAD, namun perkara itu tertakluk kepada garis panduan ditetapkan SPA. Dalam perkembangan lain, PLUS Malaysia Berhad (PLUS) sedia menanggung kos pemasangan kamera Sistem Keselamatan Kesedaran Automatik (AWAS) di Jambatan Pulau Pinang menggunakan peruntukan sendiri. Loke berkata, PLUS komited bekerjasama menangani kadar kemalangan berteraskan prinsip tanggungjawab social Korporat (CSR), sekali gus tidak mengharapkan peruntukan dana daripada kerajaan.

Katanya, kerajaan meneliti jumlah kamera AWAS yang perlu dipasang, selain lokasi, khususnya kawasan panas kemalangan di sepanjang Jambatan Pulau Pinang.